



Platform Rasa Sayang Bandaraya New Taipei

Perkhidmatan Subsidi Perubatan Untuk

Penduduk Baru

Sejak 1 Januari 2019, Bandaraya New Taipei telah memulakan Perkhidmatan Subsidi Perubatan “Platform Rasa Sayang Penjagaan Penduduk Baru” . Penduduk Baru yang tinggal di Bandaraya ini, yang pertama kali memasuki Taiwan setelah kahwin, dalam 6 bulan pertama dan masih belum mendaftar dalam Insurans Kesihatan Nasional, dan dikehendaki membayar perbelanjaan perubatan kerana kemalangan atau penyakit, boleh pergi ke mana-mana pejabat pendaftaran isi rumah di bandaraya ini untuk memohon subsidi perubatan bagi mengurangkan beban kewangan mereka. Penduduk Baru dapat mengajukan permohonan subsidi perubatan dalam waktu 6 bulan setelah memenuhi alasan permohonan atau penerbitan resit perbelanjaan perubatan. Pejabat pendaftaran isi rumah bertanggungjawab untuk menerima permohonan, mengendalikan urusan semakan dan membuat bayaran.

I. Penerima subsidi

Penduduk Baru (suami/isteri orang Taiwan) yang tinggal di Bandaraya ini, 6 bulan setelah memasuki Taiwan buat kali pertama setelah kahwain dan belum mendaftar dalam Insurans Kesihatan Nasional, kerana kemalangan atau penyakit, tidak dapat menggunakan Insurans Kesihatan Nasional dan mesti menanggung perbelanjaan perubatan sendiri.

II. Kelayakan Subsidi:

1. Bagi mereka yang membayar perbelanjaan perubatan sendiri kurang daripada NT\$10,000, sebanyak 50% daripada jumlah bayaran sendiri akan disubsidi.
2. Bagi mereka yang membayar perbelanjaan perubatan sendiri NT\$10,000 - NT\$20,000, sebanyak 60% daripada jumlah yang dibayar sendiri akan disubsidi.
3. Bagi mereka yang membayar perbelanjaan perubatan sendiri NT\$20,000 - 30,000, sebanyak 70% daripada jumlah yang dibayar sendiri akan disubsidi.
4. Bagi mereka yang membayar perbelanjaan perubatan sendiri lebih daripada NT\$30,000 atau diluluskan oleh Biro dalam keadaan khas, sebanyak 80% daripada jumlah yang dibayar sendiri akan disubsidi.
5. Bagi penerima subsidi yang sama, jumlah maksimum subsidi adalah NT\$50,000.

III. Prosedur Permohonan:

1. Masa Permohonan: Penduduk Baru mesti memohon dalam tempoh 6 bulan setelah memenuhi alasan permohonan subsidi perubatan atau penerbitan resit perbelanjaan perubatan. Jika anda tidak boleh memohon secara peribadi, anda boleh mengamanahkan orang lain untuk membuat permohonan.
2. Agensi Permohonan: Permohonan boleh dibuat di mana-mana pejabat pendaftaran isi rumah di bandaraya ini, dan pejabat isi rumah yang menerima permohonan akan mengendalikan semakan dan membuat bayaran.
3. Semakan Kelayakan Insurans Kesihatan: Pendaftaran isi rumah yang menerima permohonan perlu menyemak sama ada Penduduk Baru yang masuk ke negara ini buat kali pertama setelah berkahwin dan dalam tempoh 6 bulan tidak dilindungi oleh Insurans Kesihatan Nasional, dan mengesahkan kelayakan permohonan mereka.
4. Dokumen yang diperlukan:
 - (1) Borang permohonan (boleh dimuat turun dari laman web Biro Hal Ehwal Awam Kerajaan Bandar Baru Taipei <https://www.ca.ntpc.gov.tw> atau diperolehi daripada mana-mana pejabat isi rumah).

- (2) Sijil perubatan asal dari hospital yang berada dalam Sistem Insurans Kesihatan.
- (3) Resit asal perbelanjaan perubatan dari hospital yang berada dalam Sistem Insurans Kesihatan.
- (4) Permit penduduk(Alien Registration Card) asal.
- (5) Salinan buku kulit simpanan bank Penduduk Baru.
- (6) Kad pengenalan asal penerima kuasa dan surat kuasa wakil pemegang amanah.